**SALLEH MD SAID**

**lwn.**

**PP**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
MOHD ZAKI WAHAB PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-14-2010]
20 APRIL 2012

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pertuduhan - Pindaan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Pindaan pertuduhan oleh hakim perbicaraan selepas kes pendakwaan - Sama ada hakim perbicaraan khilaf - Sama ada ketidakadilan disebabkan terhadap perayu - Sama ada pertuduhan baru sepatutnya dibuat - Sama ada pindaan melibatkan kesalahan yang berlainan - Sama ada salah aturan boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah - Sama ada keraguan ditimbulkan terhadap kes pendakwaan - Sama ada rayuan dibenarkan - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 158 & 173(h)(ii)*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pembelaan - Memanggil pembelaan tertuduh - Pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan - Tertuduh dipanggil membuat pembelaan diri terhadap kedua-dua pertuduhan - Sama ada tertuduh sepatutnya diarahkan untuk membela diri atas pertuduhan utama sahaja - Sama ada kegagalan keadilan berlaku terhadap tertuduh - Sama ada salah aturan boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 11(a) - Menerima suapan - Pembelaan - Perayu diperintah membela diri terhadap pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan - Sama ada satu salah aturan - Sama ada boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah - Sama ada keraguan ditimbulkan terhadap kes pendakwaan*

Di Mahkamah Sesyen, perayu telah dituduh bagi kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta') dengan memperoleh secara rasuah satu suapan, iaitu satu unit komputer riba dan satu unit pen drive ('pertuduhan utama'). Di samping itu, perayu juga telah dipertuduhkan secara pilihan dengan satu kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan berkaitan dengan penerimaan komuter riba dan pen drive tersebut ('pertuduhan pilihan'). Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Sesyen telah membuat pindaan terhadap pertuduhan yang dikenakan dengan

A meminda nombor siri komputer riba di dalam kedua-dua pertuduhan utama dan pilihan. Pindaan berkenaan pemotongan perkataan-perkataan berkaitan pen drive juga telah dibuat oleh hakim Mahkamah Sesyen. Dengan itu, pertuduhan terhadap perayu adalah berkenaan penerimaan komputer riba sahaja. Selepas
B pindaan, kedua-dua pertuduhan dibaca kepada perayu dan beliau telah meminta untuk dibicarakan. Di akhir kes, perayu telah disabitkan dengan pertuduhan utama dan dikenakan hukuman penjara selama dua minggu dan denda RM10,000. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu merayu terhadap sabitan
C dan hukuman yang dikenakan terhadapnya. Perayu berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* kerana kewujudan komputer riba gagal dibuktikan. Dihujahkan seterusnya bahawa satu keraguan munasabah telah berjaya ditimbulkan terhadap kes pendakwaan. Antara isu untuk
D dipertimbangkan dalam rayuan ini adalah: (i) sama ada cara pertuduhan dipinda menyebabkan perbicaraan tidak sah dan terbatal; (ii) sama ada hakim perbicaraan khilaf apabila perayu diperintah untuk membuat pembelaan diri terhadap kedua-dua pertuduhan; dan (iii) sama ada keraguan munasabah ditimbulkan
E terhadap kes pendakwaan.

**Diputuskan (menolak rayuan):**

**(1)** Terdapat perbezaan di antara s. 158 dan s. 173(h)(ii) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') di mana s. 158 membenarkan
F pindaan dibuat dengan mengubah atau menambah sesuatu perkara kepada pertuduhan yang dirangka. Manakala, s. 173(h)(ii) pula membolehkan mahkamah meminda pertuduhan bagi kesalahan lain dari yang dipertuduhkan jika
G kes *prima facie* terhadap kesalahan lain tersebut telah dibuktikan berasaskan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa. Dalam kes ini, peruntukan paling sesuai digunakan oleh hakim perbicaraan untuk meminda pertuduhan terhadap perayu adalah s. 158 kerana pindaan
H yang dilakukan tidak melibatkan kesalahan yang berlainan dari yang dipertuduhkan malah melibatkan pemindaan fakta yang membentuk pertuduhan yang sama. (perenggan 10-13)

**(1a)** Cara pemindaan pertuduhan yang dibuat di sini adalah kurang tepat kerana pemindaan yang dilakukan oleh hakim
I perbicaraan adalah dengan memadamkan perkataan asal yang

terdapat di dalam pertuduhan dan menggantikannya dengan perkataan baru. Di dalam meminda pertuduhan ini, hakim perbicaraan sepatutnya membuat pertuduhan baru dengan memasukkan bahagian yang hendak dipinda berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan tidak semata-mata membuat pindaan di atas pertuduhan asal. Walaupun begitu, perayu bukannya tidak dapat mengetahui pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Memandangkan apa yang dilakukan oleh hakim perbicaraan tidak menyebabkan ketidakadilan terhadap perayu, salah aturan atau kesilapan ini boleh diperbetulkan di bawah s. 422 KTJ. (perenggan 14-16 & 18)

**(2)** KTJ yang membenarkan seseorang itu dituduh dengan pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan tidak membuat peruntukan sama ada perintah membela diri boleh dibuat terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Hakim perbicaraan sepatutnya mengarahkan perayu untuk membela diri terhadap pertuduhan utama sahaja. Oleh itu, perintah hakim perbicaraan adalah satu salah aturan dan boleh diperbetulkan di bawah s. 422 KTJ. Tambahan, kegagalan keadilan tidak berlaku terhadap perayu. (perenggan 21 & 23)

**(3)** Nota keterangan menunjukkan bahawa pengadu dalam kes ini ('SP1') telah diperiksa balas, namum pemeriksaan tersebut lebih tertumpu kepada kerja-kerja kontrak yang telah dilaksanakan oleh SP1 dan tidak terdapat apa-apa pemeriksaan balas tentang permintaan komputer riba dan pembelian dan penyerahan komputer riba tersebut oleh SP1 kepada perayu. Kegagalan atau ketinggalan pihak pembela membuat pemeriksaan balas terhadap, antara lain, SP1, bagi keterangan yang begitu penting membawa anggapan bahawa keterangan tersebut adalah benar dan diakui oleh pihak pembela (*Wong Swee Chin v. PP*; dirujuk). (perenggan 27 & 28)

**(4)** Pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan yang menunjukkan nombor siri komputer seperti dipinda oleh hakim perbicaraan dan keterangan ini tidak diperiksa balas oleh pihak pembelaan. Oleh itu, keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan tentang kes *prima facie* ini telah disokong oleh keterangan yang kukuh. Dengan itu, mahkamah berpuas hati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa setelah dikenakan pertimbangan maksima telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bagi kesalahan di bawah s. 11(a) Akta. (perenggan 29 & 31)

**(5)** Pihak pembelaan tidak mempunyai tugas untuk membuktikan kes mereka. Oleh itu, apa juga pembelaan yang dikemukakan oleh perayu patut dipertimbangkan, walaupun keterangan secara kenyataan dari kandang tertuduh mungkin tidak mempunyai nilai yang tinggi kerana kebenarannya tidak dapat dipastikan melalui pemeriksaan balas. Mahkamah harus mempertimbangkan pembelaan yang dikemukakan, iaitu sama ada pembelaan telah menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan dan kemudiannya, membuat keputusan selepas pertimbangan tersebut. Berdasarkan fakta, hakim perbicaraan telah mempertimbangkan kenyataan perayu dan keterangan sokongan saksi-saksi dengan sewajarnya dan memutuskan bahawa pembelaan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. (perenggan 36 & 37)

**(6)** Hakim perbicaraan telah mempertimbangkan dengan betul prinsip dan tujuan hukuman dikenakan sebelum menjatuhkannya ke atas perayu. Hukuman yang dijatuhkan tidaklah melampau dan tidak patut diubah oleh mahkamah ini. (perenggan 40)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC* ***(dirujuk)***
*Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC* ***(dirujuk)***
*PP v. Chong Soon Wah [2008] 9 CLJ 153 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. James Tan [1983] 1 LNS 24 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC* ***(dirujuk)***
*PP v. Shariff Kadir [1997] 5 CLJ 463 HC* ***(dirujuk)***
*Teuku Nawardin Syamsuar v. PP [2011] 3 CLJ 353 FC* ***(dirujuk)***
*Wong Heng Fatt v. PP [1958] 1 LNS 96 HC* ***(dirujuk)***
*Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Anti-Corruption Act 1997, ss. 11(a), 16
Criminal Procedure Code, ss. 158, 166, 173(h)(ii), 422
Penal Code, s. 165

*Bagi pihak perayu - Pyara Singh Dara Singh; T/n Andrew Paul & Assoc*
*Bagi pihak responden - Faeza Fazlin; TPR*

*[Nota Pengarang: Anti-Corruption Act 1997 kini telah dimansuhkan oleh Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009].*

*Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid*

## PENGHAKIMAN

**Mohd Zaki Wahab PK:**

**[1]** Perayu telah dibicarakan dan disabitkan di hadapan Mahkamah Sesyen Alor Setar bagi satu kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta yang sama. Bagi pertuduhan ini perayu dikatakan telah menerima dari pengadu satu unit komputer riba dan satu unit pen drive. Pertuduhan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14 Mei 2005, jam lebih kurang 5.00 petang, di Summax Power Technology, 1-01, Tingkat 1, Sentosa Plaza, Jalan Putra, 05100 Alor Setar di dalam daerah kota Setar, di dalam Negeri Kedah, sebagai agen Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), iaitu Penolong Pengurus di pejabat FELDA Lubuk Merbau, Pendang, Kedah telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu satu suapan iaitu satu unit komputer riba jenama Acer Travelmate 2308 NLCI bernilai RM3,100 dan satu unit pendrive jenama Apacer 256MB bernilai RM100.00 daripada Abdul Wahab bin Jaafar, Pengarah Projek Amna Construction Sdn Bhd, sebagai dorongan bagi melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu mempercepatkan proses penyediaan bayaran bagi kerja-kerja tambahan kepada kerja membekal, membina dan menyiapkan jalan-jalan pertanian di Felda Lubuk Merbau yang Amna Construction Sdn Bhd jalankan sebagai sub-kontraktor kepada Koperasi Serbaguna Felda Lubuk Merbau Berhad dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

**[2]** Disamping itu perayu juga dipertuduhkan secara pilihannya dengan satu kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan berkaitan dengan penerimaan komputer riba dan pen drive tersebut. Pertuduhan pilihan tersebut adalah:

> Bahawa kamu pada 14 mei 2005, jam lebih kurang 5.00 petang, di Summax Power Technology, 1-01, Tingkat 1, Sentosa Plaza, Jalan Putra, 05100 Alor Setar di dalam daerah kota Setar, di dalam Negeri Kedah, sebagai penjawat awam, iaitu Penolong Pengurus yang bertugas di pejabat Felda Lubuk Merbau, Pendang, Kedah menerima suatu benda berharga dengan tiada balasan, iaitu satu unit computer riba jenama Acer Travelmate 2308 NLCI bernilai RM3,100 dan satu unit pendrive jenama Apacer 256MB

A bernilai RM100.00 daripada seorang kontraktor Abdul Wahab bin Jaafar, yang kamu ketahui mempunyai urusan rasmi yang telah dijalankan dengan Pejabat Felda Lubuk Merbau iaitu kontraktor ini telah menjalankan kerja-kerja sub-kontraktor bagi pihak Koperasi Serbaguna Felda Lubuk Merbau Berhad iaitu membekal, membina dan menyiapkan jalan-jalan pertanian di Felda Lubuk Merbau, di mana kamu sebagai Penolong Pengurus yang menyelia kerja-kerja berkenaan dan dengan yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

**[3]** Pertuduhan utama (prinsipal) terhadap perayu telah ditandakan sebagai lampiran A sementara pertuduhan pilihan pula ditandakan sebagai B. Di akhir kes pendakwaan hakim Mahkamah Sesyen (hakim perbicaraan) telah membuat pindaan terhadap pertuduhan yang dikenakan. Di dalam meminda pertuduhan terhadap perayu, hakim perbicaraan tidak merangka (frame) semula pertuduhan pindaan tersebut, sebaliknya telah membuat pindaan tersebut dengan meminda nombor siri komputer riba yang berkaitan; di dalam kedua-dua pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan. Pemindaan nombor siri ini jelasnya telah dibuat oleh hakim perbicaraan selepas beliau menerima keterangan saksi pendakwa tentang nombor siri tersebut.

**[4]** Di dalam kedua-dua pertuduhan, komputer riba tersebut telah diperihalkan sebagai jenama Acer Travelmate 2308 NLCI. Pindaan yang dibuat oleh hakim perbicaraan ialah dengan memadamkan perkataan "2308NLCI" tersebut dan menggantikannya dengan perkataan "serial no: LXT 560537550901759 EM13". Hakim perbicaraan juga memotong perkataan-perkataan "dan satu unit pendrive jenama Apacer 256MB bernilai RM100" dari kedua-dua pertuduhan tersebut. Ini bererti pertuduhan terhadap perayu bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah bagi penerimaan komputer riba tersebut sahaja.

**[5]** Selepas pindaan, kedua-dua pertuduhan tersebut dibacakan kepada perayu dan perayu telah meminta dibicarakan. Hakim perbicaraan kemudian meneruskan perbicaraan kes dengan pembelaan perayu. Di akhir kes ini perayu telah disabitkan dengan pertuduhan prinsipal di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Berasaskan sabitan tersebut perayu telah dikenakan hukuman penjara selama dua minggu dan denda RM10,000 jika tidak dibayar dipenjara lima bulan.

**[6]** Perayu sekarang merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Melalui penghujahan bertulisnya peguam perayu telah menghujahkan pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu kerana pihak pendakwa telah gagal membuktikan wujudnya komputer riba seperti di dalam pertuduhan. Oleh kerana itu, perayu sepatutnya dilepaskan dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil membela diri. Selanjutnya beliau berhujah jika pun pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu, keterangan pembelaan perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwa dan perayu berhak dilepaskan dan dibebaskan.

**[7]** Selepas meneliti penghujahan bertulis kedua-dua pihak dan selepas meneliti rekod rayuan saya telah meminta kedua-dua pihak membuat penghujahan lanjut terhadap pindaan pertuduhan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan kerana perkara pemindaan pertuduhan atau cara pemindaan pertuduhan yang dibuat oleh hakim perbicaraan tidak disentuh oleh mana-mana pihak di dalam penghujahan awal mereka. Di dalam mendengar rayuan ini saya berpendapat isu pemindaan pertuduhan ini adalah satu isu yang penting untuk dihujahkan kerana jika pemindaan pertuduhan yang dibuat oleh hakim perbicaraan ini tidak betul dan sah maka sabitan dan juga hukuman yang diputuskan oleh hakim perbicaraan boleh diketepikan.

**[8]** Kedua-dua pihak kemudian mengemukakan penghujahan lanjut mereka tentang perkara ini seperti diarahkan. Kesemua penghujahan ini telah saya pertimbangkan sebelum membuat keputusan rayuan ini.

## Keputusan Mahkamah

**[9]** Selepas meneliti rekod rayuan dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, saya dapati isu yang perlu diputuskan di dalam kes ini boleh dirumuskan kepada isu-isu pemindaan pertuduhan, perintah memanggil perayu membela diri terhadap kedua-dua pertuduhan utama dan pilihan dan juga isu sabitan terhadap perayu; samada sabitan tersebut telah disokong oleh keterangan yang dikemukakan.

A **Pemindaan Pertuduhan**

**[10]** Seksyen 158 dan s. 173(h)(ii) Kanun Tatacara Jenayah membenarkan hakim perbicaraan membuat pemindaan pertuduhan yang dilakukan selepas mendengar keterangan saksi-saksi.
B Peruntukan s. 158 berbunyi:

> **Section 158. Court may alter or add to charge.**
>
> (1) Any Court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced.
>
> C (2) Every such alteration or addition shall be read and explained to the accused.

**[11]** Peruntukan s. 173(h)(ii) pula berbunyi:

> D **Section 173. Procedure in summary trials**
>
> (h) (i) ...
>
> (ii) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on an offence other than the offence charged
> E which the Court is competent to try and which in the opinion of the Court it ought to try, the Court shall amend the charge.

**[12]** Terdapat perbezaan yang jelas di antara dua peruntukan ini. Seksyen 158 membenarkan pindaan dibuat dengan mengubah atau menambah sesuatu perkara kepada pertuduhan yang dirangka
F terhadap seseorang tertuduh. Seksyen 173(h)(ii) pula membolehkan mahkamah meminda pertuduhan bagi kesalahan lain dari yang dipertuduhkan jika kes *prima facie* terhadap kesalahan lain tersebut telah dibuktikan terhadap tertuduh berasaskan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa.

G **[13]** Semasa membuat pindaan terhadap perayu, hakim perbicaraan tidak menjelaskan di bawah peruntukan manakah pindaan pertuduhan ini dilakukan. Adalah lebih baik sekiranya hakim perbicaraan menjelaskan perkara ini. Apa pun, yang lebih
H penting, hakim perbicaraan telah membuat pindaan tersebut. Setelah meneliti keadaan di dalam kes ini saya dapati peruntukan yang paling sesuai digunakan oleh hakim perbicaraan untuk meminda pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu seperti adalah peruntukan s. 158 Kanun Tatacara Jenayah kerana pindaan yang
I dilakukan tidak melibatkan kesalahan yang berlainan dari yang dipertuduhkan terhadap perayu, sebaliknya melibatkan pemindaan

fakta yang dikatakan membentuk pertuduhan yang sama seperti yang dipertuduhkan iaitu nombor siri komputer riba tersebut. Pindaan yang dilakukan di dalam kes ini dibuat selepas hakim perbicaraan mendengar keterangan saksi-saksi pendakwa tentang nombor siri komputer riba yang terlibat.

**[14]** Bagaimana pun saya dapati cara pemindaan pertuduhan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan kurang tepat kerana pemindaan ini dilakukan oleh hakim perbicaraan hanya dengan memadamkan perkataan asal yang terdapat di dalam pertuduhan dan menggantikannya dengan perkataan baru. Di dalam meminda pertuduhan ini hakim perbicaraan sepatutnya membuat pertuduhan baru dengan memasukan bahagian yang hendak dipinda berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan tidak semata-mata membuat pindaan di atas pertuduhan yang asal.

**[15]** Keadaan ini membawa kepada perbincangan tentang kesan pemindaan tersebut. Adakah cara pemindaan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan telah menyebabkan perbicaraan ini tidak sah dan terbatal. Selepas meneliti peruntukan undang-undang yang berkaitan, saya dapati pemindaan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan adalah satu salah aturan (irregular) yang tidak menyebabkan berlakunya kegagalan keadilan ke atas perayu di dalam kes ini. Perayu juga tidak diprejudis dengan cara pemindaan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan.

**[16]** Pemindaan yang dilakukan berkaitan dengan nombor siri komputer riba tersebut; berasaskan keterangan yang dikemukakan. Ini tidak menyebabkan perayu tidak dapat mengetahui pertuduhan yang dikenakan, malahan pemindaan ini menjelaskan lagi fakta yang hendak dibuktikan oleh pihak pendakwa iaitu nombor siri komputer riba yang terlibat. Pemindaan ini dibuat dengan mempertimbangkan keterangan yang dikemukakan dan terdapat keterangan yang membuktikan perkara tersebut telah dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwa. Keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwa tentang perkara ini telah sebenarnya tidak dicabar oleh peguam perayu semasa pemeriksaan balas saksi-saksi tersebut.

**[17]** Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa hakim perbicaraan perlu membuat pindaan terhadap pertuduhan jika keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa telah membuktikan fakta yang menyokong pertuduhan tersebut (lihat *PP v. James Tan* [1983] 1 LNS 24). Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa di dalam kes ini telah membuktikan nombor siri komputer riba yang terlibat dan hakim perbicaraan sepatutnya

membuat pindaan tersebut. Nombor siri ini tidak disebut di dalam pertuduhan asal yang dirangka terhadap perayu yang ditandakan sebagai A dan B.

**[18]** Pemindaan pertuduhan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan telah disokong oleh keterangan yang dikemukakan. Bagaimanapun, hakim perbicaraan telah melakukan salah aturan dan kesilapan (error) dengan cara pemindaan yang dibuat. Oleh kerana apa yang dilakukan oleh hakim perbicaraan tidak menyebabkan ketidakadilan (miscarriage of justice) terhadap perayu, salah aturan dan kesilapan ini boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> **Section 422. Irregularities not to vitiate proceedings**
>
> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial or in any inquiry or other proceeding under this Code;
>
> (b) the want of any sanction; or
>
> (c) the improper admission or rejection of any evidence,
>
> unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

**[19]** Oleh itu pemindaan yang dilakukan oleh hakim perbicaraan diperbetulkan di bawah s. 422 dan perintah pemanggilan pembelaan yang dibuat oleh hakim perbicaraan di atas pertuduhan-pertuduhan adalah wajar jika terdapat keterangan untuk membuktikannya. Ini membawa kita kepada isu selanjutnya.

## Perintah Memanggil Perayu Membela Diri Terhadap Kedua-dua Pertuduhan Utama Dan Pilihan

**[20]** Berdasarkan rekod rayuan, perayu telah dipanggil membela diri ke atas kedua-dua pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan. Seksyen 166 Kanun Tatacara Jenayah membenarkan pertuduhan pilihan juga dikenakan ke atas perayu. Bagaimana pun persoalan yang timbul ialah bolehkah hakim perbicaraan membuat perintah untuk perayu membela diri terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut selepas kes pendakwaan ditutup?

**[21]** Kanun Tatacara Jenayah membenarkan seseorang boleh dituduh dengan pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan tidak membuat peruntukan sama ada perintah membela diri boleh dibuat terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Bagaimanapun seseorang yang dikenakan pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan hanya boleh disabitkan dengan salah satu pertuduhan sahaja di antara keduanya di akhir kes tersebut. Secara amnya mahkamah perbicaraan sepatutnya boleh membuat keputusan yang manakah di antara pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan yang telah dibuktikan wujudnya kes *prima facie*; berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa setelah pihak pendakwa menutup kes pendakwaan. Selepas membuat dapatan kes *prima facie* tersebut, mahkamah perbicaraan perlu membuat perintah untuk perayu membela diri terhadap pertuduhan tersebut saja.

**[22]** Oleh itu hakim perbicaraan sepatutnya membuat keputusan memanggil perayu membuat pembelaan diri terhadap salah satu pertuduhan sahaja, iaitu sama ada pertuduhan prinsipal atau pertuduhan pilihan. Di dalam kes ini saya dapati berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa, satu kes *prima facie* bagi pertuduhan prinsipal telah pun dibuktikan. Oleh itu persoalan yang timbul, adakah hakim perbicaraan telah melakukan khilaf undang-undang (committed an error in law) apabila membuat perintah untuk perayu membuat pembelaan diri terhadap kedua-dua pertuduhan dan ini telah menyebabkan perbicaraan terhadap perayu selanjutnya terbatal dan tidak sah.

**[23]** Saya berpendapat perintah hakim perbicaraan tersebut bukanlah satu kekhilafan undang-undang kerana saya dapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* bagi kedua-dua pertuduhan. Memang tidak dinafikan intipati pertuduhan prinsipal dan pertuduhan pilihan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa di dalam kes ini berbeza. Namun demikian selepas meneliti keterangan yang dikemukakan saya dapati keterangan yang dikemukakan tersebut telah membuktikan kedua-dua pertuduhan tersebut secara *prima facie*. Namun begitu hakim perbicaraan sepatutnya hanya mengarahkan perayu membela diri terhadap pertuduhan utama sahaja. Berasaskan keadaan tersebut perintah hakim perbicaraan adalah satu salah aturan (irregular). Salah aturan seperti ini boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah jika salah aturan ini tidak menyebabkan kegagalan keadilan terhadap perayu. Di dalam kes ini saya dapati kegagalan keadilan terhadap perayu tidak berlaku dan salah aturan ini boleh diperbetulkan di bawah s. 422 tersebut.

A **Keputusan Kes *Prima Facie* Oleh Hakim Perbicaraan**

**[24]** Keputusan hakim perbicaraan memanggil perayu membela diri ini telah dihujahkan oleh peguam perayu sebagai khilaf kerana pada pendapat peguam perayu keterangan yang dikemukakan oleh pihak
B pendakwa telah gagal membuktikan perayu telah meminta dan menerima komputer riba berkaitan. Di dalam penghakimannya, hakim perbicaraan telah mengatakan beliau telah menimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan memutuskan keterangan yang ada membuktikan perayu telah
C meminta dan menerima komputer riba berkenaan dan identiti komputer riba tersebut telah dibuktikan dengan jelas melalui nombor siri. Persoalannya, adakah sebenarnya terdapat keterangan sedemikian?

D **[25]** Pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan melalui pengadu (SP1) tentang adanya permintaan komputer dibuat oleh perayu. SP1 di dalam keterangannya mengatakan beliau telah diarahkan menjalankan kerja-kerja tambahan selain dari kerja-kerja utama yang telah disubkontrak tersebut. Selepas kerja-kerja
E tersebut siap dijalankan SP1 telah menuntut bayaran tersebut tetapi tidak dibayar sehinggalah beberapa lama. Pada bulan Mei 2005 SP1 berjumpa perayu di pejabat dan bertanyakan bayaran tersebut. Menurut SP1, perayu telah meminta dibelikan komputer riba tersebut untuk membolehkan beliau membuat laporan tentang
F kerja-kerja tambahan tersebut. Permintaan lisan ini dikuti dengan panggilan talipon. Keterangan SP1 menunjukkan bahawa beliau telah didesak memberikan komputer riba tersebut.

**[26]** SP1 seterusnya pergi dengan kawan beliau (SP3) ke sebuah kedai komputer di Plaza Sentosa untuk memesan komputer
G tersebut untuk diberikan kepada perayu. Di kedai komputer tersebut SP1 dan SP3 telah menemui Encik Choong Bee Hoe (SP4). SP4 telah mencadangkan komputer berjenama Acer untuk dibeli oleh SP1. SP1 kemudiannya bersetuju membeli komputer tersebut dari SP4 dan terdapat invois dan nota penyerahan
H dikeluarkan (P11 dan P12). Memang tidak dinafikan komputer yang dijual oleh SP4 telah dibekalkan oleh satu syarikat lain (Infogate Communication Sdn Bhd). SP4 kemudiannya menyerahkan komputer tersebut kepada perayu dan harga komputer tersebut telah dibayar oleh SP1.

I **[27]** Keterangan SP1 ini disokong oleh keterangan SP3 dan SP4. Keterangan SP1, SP3 dan SP4 tentang pembelian komputer oleh SP1 dan diserahkan kepada perayu telah tidak diperiksa balas oleh

peguambela perayu. Keterangan SP1 tentang perkara ini amatlah penting bagi membuktikan kes pihak pendakwa. Keterangan SP1 ini telah disokong oleh keterangan SP3 dan SP4. Keterangan mereka ini sepatutnya dicabar oleh pihak pembela melalui pemeriksaan balas. Penelitian saya terhadap nota keterangan menunjukkan SP1 telah diperiksa balas oleh peguambela, namun pemeriksaan balas tersebut lebih tertumpu kepada kerja-kerja kontrak yang telah dilaksanakan oleh SP1 dan tidak terdapat apa-apa pemeriksaan balas tentang permintaan komputer riba, pembelian dan penyerahan komputer riba tersebut oleh SP1 kepada perayu.

**[28]** Prinsip undang-undang tentang perkara ini adalah jelas. Kegagalan atau ketinggalan pihak pembela membuat pemeriksaan balas terhadap SP1, SP3 dan SP4 ini bagi keterangan yang begitu penting membawa anggapan keterangan tersebut benar dan diakui oleh pihak pembela. Prinsip telah dijelaskan di dalam kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138. Di dalam keadaan pembelaan gagal memeriksa balas SP1, SP3 dan SP4 tentang pembelian komputer dan penerimaan komputer oleh perayu, pihak pembelaan dianggap mengakui keterangan yang dikemukakan oleh SP1, SP3 dan SP4 tentang pembelian dan penyerahan komputer tersebut kepada perayu.

**[29]** Pihak pendakwa juga telah mengemukakan keterangan yang menunjukkan nombor siri komputer tersebut seperti yang dipinda oleh hakim perbicaraan. Keterangan SP4 tentang nombor siri ini juga tidak diperiksa balas oleh pembelaan. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan tentang kes *prima facie* ini telah disokong oleh keterangan yang kukuh.

**[30]** Memang benar di dalam penghakimannya, hakim perbicaraan tidak mengatakan beliau telah mempertimbangkan keterangan-keterangan ini dengan tahap pertimbangan yang maksima seperti yang diputuskan di dalam kes-kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan kes-kes lain. Bagaimanapun ketinggalan hakim perbicaraan menyebut perkara ini di dalam penghakiman beliau tidaklah memudaratkan kerana saya dapati penghakiman beliau mencerminkan pertimbangan sedemikian telah dibuat.

**[31]** Saya sendiri berpuashati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa ini setelah dikenakan pertimbangan maksima telah membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu bagi kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Oleh itu saya dapati hakim perbicaraan tidak khilaf di dalam membuat keputusan

memanggil perayu membela diri bagi pertuduhan tersebut, walaupun saya dapati hakim perbicaraan sepatutnya tidak membuat perintah perayu membela diri bagi pertuduhan pilihan setelah kes *prima facie* dibuktikan bagi pertuduhan prinsipal.

**Keputusan Sabitan**

**[32]** Perayu membuat kenyataan dari kandang tertuduh melalui kenyataan bertulis yang dikemukakan sebagai D27; sebagai pembelaan. Di dalam D27 secara ringkasnya perayu menafikan telah meminta sumbangan komputer riba dari SP1 kerana beliau tidak mempunyai kuasa untuk mempercepatkan bayaran. Di samping itu perayu telah memanggil saksi-saksi untuk menyokong pembelaan beliau bahawa beliau tidak menerima komputer riba tersebut dari SP1 dan komputer yang dirampas dan dikemukakan di mahkamah adalah komputer kepunyaan Felda yang beliau bawa balik ke rumah.

**[33]** Kenyataan perayu di dalam kandang tertuduh bukanlah satu pembelaan yang baik kerana kenyataan ini tidak tertakluk kepada pemeriksaan balas oleh pihak pendakwa. Kebenaran kenyataan tersebut tidak dapat dipastikan kerana tidak dapat dicabar melalui pemeriksaan balas.

**[34]** Persoalan apakah status sesuatu kenyataan seperti ini sama ada boleh dipertimbangkan sebagai keterangan pembelaan atau sebaliknya telah menjadi perkara yang diperbincangkan di dalam beberapa kes terdahulu. Di dalam kes *Wong Heng Fatt v. PP* [1958] 1 LNS 96 Smith J, tidak mempertimbangkan kenyataan sedemikian sebagai satu keterangan. Hishamudin Yunus J (beliau pada masa itu) di dalam kes *PP v. Shariff Kadir* [1997] 5 CLJ 463 juga tidak mempertimbangkan kenyataan sedemikian sebagai satu keterangan.

**[35]** Bagaimanapun dalam *PP v. Chong Soon Wah* [2008] 9 CLJ 153 Azhar Mohammad J (beliau pada masa itu), telah menerima kenyataan sebegini sebagai keterangan. Heliliah FCJ di dalam kes *Teuku Nawardin Syamsuar v. PP* [2011] 3 CLJ 353 pula mengatakan kenyataan ini perlu dipertimbangkan tentang keberatannya (weight).

**[36]** Pihak pembelaan tidak mempunyai tugas untuk membuktikan kes mereka (*Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705). Oleh itu apa juga pembelaan yang dikemukakan oleh perayu patut dipertimbangkan, walaupun keterangan secara kenyataan dari kandang tertuduh mungkin tidak mempunyai nilai yang tinggi

kerana kebenarannya tidak dapat dipastikan dan dicabar melalui pemeriksaan balas. Apa yang penting adalah mahkamah harus pertimbangkan pembelaan yang dikemukakan dan membuat keputusan; selepas pertimbangan tersebut, samada pembelaan itu telah menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan.

**[37]** Kenyataan perayu dan keterangan sokongan saksi-saksi beliau telah dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh hakim perbicaraan yang memutuskan pembelaan ini tidak dapat menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa. Saya telah meneliti rekod rayuan dan mempertimbangkan perkara ini dan saya dapati keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan adalah betul. Pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dan saksi-saksi mereka tidak menimbulkan keraguan terhadap keterangan pihak pendakwa bahawa perayu telah meminta komputer riba tersebut dan telah menerima komputer riba jenis Acer dengan nombor siri seperti di dalam pertuduhan yang dipinda oleh hakim perbicaraan.

**[38]** Di akhir kes ini, selepas mempertimbangkan keseluruhan keterangan termasuk pembelaan diri perayu, saya dapati pihak pendakwa telah membuktikan kes terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan prinsipal di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan mensabitkan perayu. Perayu telah secara betulnya disabitkan oleh hakim perbicaraan.

**[39]** Saya dapati rayuan perayu terhadap sabitan ini tidak mempunyai merit. Oleh itu rayuan oleh perayu terhadap sabitan ditolak.

**[40]** Perayu juga merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan. Saya telah meneliti alasan penghakiman hakim perbicaraan. Saya dapati beliau telah memberi pertimbangan yang betul terhadap prinsip dan tujuan hukuman dikenakan sebelum menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Di dalam keadaan kes ini, saya dapati hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu tidaklah melampau dan tidak patut diubah oleh saya. Oleh itu rayuan terhadap hukuman juga ditolak.